

Headline **Operasi Piramid**
Date **03 Feb 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **1,2**
Article Size **990 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **43,615**
PRValue **130,845**



Operasi Piramid

Hassan Omar, Osman Lisut dan Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR: Kerajaan semalam melancarkan Operasi Piramid bagi membawa keluar lebih 11,000 rakyat, terutama pelajar dari negara bergolak Mesir ke Jeddah, Arab Saudi dengan menghantar pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TUDM) serta pesawat dan kapal syarikat swasta ke

negara itu

Operasi diketuai Panglima TUDM, Tan Sri Rodzali Daud, membabitkan tiga pesawat C130 Hercules TUDM, sebuah pesawat Boeing 747 MAS dan Airbus A320, A330 dan A340 milik AirAsia, kapal *KD Bunga*

LIHAT MUKA 2

Headline **Operasi Piramid**
Date **03 Feb 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **1,2**
Article Size **990 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **43,615**
PRValue **130,845**



PENUNJUK antikerajaan (atas) dan penyokong Presiden Hosni Mubarak bertempur di Dataran Tahrir, Kaherah, semalam. ● LAGI BERITA DAN GAMBAR MUKA 4, 6, 7, 43 dan 44

Headline **Operasi Pyramid**
Date **03 Feb 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **1,2**
Article Size **990 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **43,615**
PRValue **130,845**



ANGGOTA TUDM menyertai misi menyelamatkan ke Mesir berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Subang, semalam.

Wisma Putra beri jaminan keselamatan

DARI MUKA 1

Mas 5 TLDM yang berada di Teluk Aden, berhampiran perairan Somalia serta kapal dagang Malaysia International Shipping Cooperation Berhad (MISC), dijangka membawa keluar rakyat Malaysia dalam tempoh empat hingga lima hari, mulai jam 6 pagi ini waktu Mesir (kira-kira jam 12 tengah malam tadi waktu Malaysia).

C130 Hercules berulang alik mengangkut mereka ke Jeddah dan ditempatkan di asrama Tabung Haji di sana sebelum pesawat komersial menerbangkan mereka pulang ke negara ini.

Pesawat pertama AirAsia berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 2.30 petang semalam, diikuti C130 Hercules masing-masing pada jam 3 petang semalam dan 9.30 serta 10.30 malam tadi. MAS dijadualkan terbang jam 9.30 pagi ini dan dijangka tiba di Kaherah lapan jam selepas itu.

Operasi yang membabitkan kerjasama Kerajaan Malaysia dengan Indonesia itu membolehkan sesetengah rakyat Malaysia dan Indonesia di Kaherah, Iskandariah dan Mansourah menaiki pesawat MAS, AirAsia,

TUDM dan Garuda yang dimiliki Kerajaan Indonesia dan sebaliknya.

Menteri Luar, Datuk Seri

Headline **Operasi Piramid**
 Date **03 Feb 2011**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Nasional**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
 Page No **1,2**
 Article Size **990 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **43,615**
 PRValue **130,845**

Anifah Aman, berkata operasi dilancarkan berikutan keselamatan di Kaherah sudah sampai pada tahap merah atau berbahaya dan kerajaan tidak mahu menunggu lebih lama untuk membawa keluar rakyat Malaysia.

Beliau berkata, perjalanan mereka dari tempat penginapan di Kaherah, Iskandariah, Mansourah dan beberapa tempat lain ke lapangan terbang serta pelabuhan, diuruskan 20 pegawai Kedutaan Malaysia dengan diselenggara Timbalan Menteri Luar, Senator Kohilan Pillay.

"Kita sudah meminta Kerajaan Mesir memberi jaminan keselamatan sepanjang perjalanan ke lapangan terbang dan pelabuhan," katanya pada sidang media di Kota Kinabalu semalam.

Mengenai rungutan orang ramai, terutama waris pelajar yang mendakwa kerajaan

lambat bertindak, beliau berkata, kesukaran sistem perhubungan menerusi internet di Mesir menimbulkan pelbagai kerumitan kepada Wisma Putra untuk berhubung dengan Kedutaan Besar Malaysia di sana.

"Saya sendiri tidak ke Mesir kerana jika ke negara itu, sukar untuk saya berhubung, apatah lagi dengan kedutaan negara lain kerana dalam keadaan begini, kita amat memerlukan kerjasama kedutaan negara lain. Bagaimanapun, Wisma Putra memberi jaminan keselamatan rakyat Malaysia, walaupun ada beberapa kejadian penginapan mereka cuba dicerobohi," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta ibu bapa tidak ke Mesir semata-mata untuk membawa anak mereka keluar kerana ada ibu bapa yang sudah berbuat demikian, tetapi terkandas di Lapangan Terbang Antara-

bangsa Kaherah.

Mengenai kesesakan talian Kedutaan Malaysia di Mesir dan bilik operasi Kementerian Luar di Putrajaya, Anifah berkata, ibu bapa harus bersabar kerana talian itu digunakan ribuan pengguna.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, berkata kapal dagang MISC yang berada di beberapa pelabuhan negara Teluk diminta membantu bagi mempercepatkan operasi.

"Kapal ini bersama *KD Bunga Mas 5* akan bergerak secara konvoi ke Jeddah secepat mungkin. Pegawai kedutaan Malaysia di Mesir sedang menguruskan visa sementara bagi membolehkan pelajar kita ke Arab Saudi sebelum dibawa pulang ke Malaysia menaiki pesawat komersial.

"Seboleh mungkin kita

akan bawa keluar semua pelajar Malaysia dan kerajaan meminta semua pihak, termasuk NGO turut membantu, termasuk menggunakan kepakaran masing-masing," katanya.

Ahmad Zahid berkata, Operasi Piramid membabitkan masing-masing 30 orang daripada Kementerian Pertahanan dan pejabat kedutaan Malaysia di Mesir dan 20 daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Luar serta Jabatan Penuntut Malaysia.

“ Kita sudah minta Kerajaan Mesir memberi jaminan keselamatan perjalanan ke lapangan terbang dan pelabuhan”

Anifah Aman
Menteri Luar

